

Rekod cemerlang kerajaan dulu hingga kini

Kejayaan atau kegagalan sesebuah negara banyak bergantung kepada kebijaksanaan serta kemampuan pemimpin dan kerajaan yang memerintah. Keadaan tentunya lebih mencabar bagi negara dengan masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Sejarah Malaysia menyaksikan hanya sebuah parti yang memerintah sejak merdeka 55 tahun lalu iaitu Barisan Nasional (BN) yang sebelum ini dikenali sebagai Perikatan. Keupayaan dan kejayaan pemimpin negara bermula dengan Tunku Abdul Rahman hingga Datuk Seri Najib Razak menyetupadukan rakyat dalam menuntut kemerdekaan dan membangunkan negara tidak boleh dinafikan.

Ini membuktikan setiap pemimpin pada zaman masing-masing berjaya membawa pelbagai perubahan dan kemajuan kepada rakyat dan negara. Namun, semua kejayaan itu tidak datang bergolek. Pelbagai cabaran dan rintangan terpaksa dilalui demi mewu-

Pembangunan dikecapi rakyat hari ini hasil kejayaan pemimpin dulu hingga kini.



judkan negara yang aman dan makmur untuk diwarisi generasi akan datang.

Justeru, kita wajar menyukuri segala nikmat yang dikecapi selama ini hasil kebijaksanaan kerajaan menguruskan negara. Jangan sesekali kita lupakan sejarah pembangunan negara ini. Apakah selama ini rakyat ditindas, dizalimi atau dibiarkan kebuluran? Janganlah kerana politik kebencian, kita lupakan segala jasa dan sumbangan tersebut.

Rakyat wajar menilai dan menghakimi rekod cemerlang yang ditampilkannya kerajaan sejak sebelum merdeka hingga kini. Tidak wajar untuk membuat keputusan terburu-buru hanya kerana beberapa kealpaan.

Mutakhir ini politik perkauman dan membenci pemimpin diapi-apikan golongan yang tidak bertanggungjawab. Tindakan memijak gambar pemimpin dan usaha menukar Jalur Gemilang adalah antara

tindakan yang boleh menghancurkan negara. Lebih malang lagi perbuatan biadab itu membabitkan generasi muda yang terpengaruh dengan hasutan puak oportunist.

Demokrasi menjamin hak asasi dan kebebasan bersuara, tetapi setiap tindakan ada had dan batasannya. Setiap rakyat wajib patuh kepada undang-undang dan Perlembagaan.

Kita perlu sedar bahawa keamanan yang ada hari ini amat besar nilainya untuk kita korbakan hanya kerana mengejar kuasa dan nama.

Percayalah negara kita berada di landasan tepat untuk mencapai Wawasan 2020. Segala usaha kerajaan mula nampakkan hasilnya. Persoalannya, apakah kita mahu berhenti sekarang? Apakah kita mahu menghancurkan segala yang kita bina selama ini?

Noor Mohamad Shakil Hameed

Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor